

25 SEP 2001

MYANMAR-LABUR

MYANMAR HARAP LIHAT LEBIH BANYAK PELABURAN DARI M'SIA

PUTRAJAYA, 25 Sept (Bernama) -- Myanmar berharap agar aktiviti perdagangan di antara Malaysia dan Myanmar boleh dipertingkatkan lagi, disokong oleh pelaburan kukuh dari Malaysia, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata hari ini.

Katanya bahawa Myanmar mahu melihat lebih banyak orang Malaysia melabur di negara itu.

Syed Hamid berkata demikian pada persidangan akhbar selepas perjumpaan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar dan Perdana Menteri Jeneral Kanan Than Shwe, di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Tan Shwe, yang tiba hari ini, adalah di dalam lawatan kerja tiga hari ke Malaysia.

Syed Hamid berkata Malaysia dan Myanmar juga membincangkan mengenai kemungkinan mengadakan perjanjian pembayaran dua hala di mana kedua-dua negara boleh menggunakan matawang mereka sendiri apabila membuat pembayaran bagi perdagangan.

"Aturan pembayaran itu dilihat sebagai satu cara mengurangkan bebanan negara-negara yang tidak mempunyai pertukaran asing yang mencukupi," katanya.

Syed Hamid berkata terdapat juga perbincangan mengenai potensi bekerja sama di dalam industri kertas dan palpa dan juga di dalam industri minyak dan gas.

Mereka juga bersetuju bahawa ASEAN patut mempunyai perhubungan perdagangan yang lebih rapat supaya ia tidak terpaksa bergantung semata-mata kepada pasaran seperti AS. -- BERNAMA

NN FR OS